




**Suruhanjaya Sekuriti**  
Securities Commission  
Malaysia



# LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT LAPORAN TAHUNAN 2023



**LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT  
LAPORAN TAHUNAN  
2023**



# PERNYATAAN MISI

Memupuk pengauditan bebas berkualiti tinggi bagi memelihara keyakinan terhadap kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit entiti berkepentingan awam dan kumpulan wang jadual di Malaysia.

**© LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT, SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA 2024**

3 Persiaran Bukit Kiara  
Bukit Kiara  
50490 Kuala Lumpur  
Malaysia


Tel +603 6204 8900  
Faks +603 6201 1888  
Laman web <http://www.sc.com.my/aob>

*Laporan Tahunan Lembaga Pemantauan Audit 2023 dicetak di atas kertas yang disahkan oleh Forest Stewardship Council® Standards. FSC® menggalakkan pengurusan hutan dunia yang berdaya maju, bertanggungjawab kepada alam sekitar, bermanfaat terhadap sosial dan ekonomi.*



<b>PERUTUSAN PENGERUSI</b>	7
<b>SOROTAN</b>	11
Sorotan Utama Fungsi Teras Lembaga Pemantauan Audit pada tahun 2023	12
Malaysia Menduduki Tempat Pertama dalam Kategori Juruaudit dan Pengawal Selia Audit dalam <i>CG Watch 2023</i>	13
<b>PEMANTAUAN DAN PENYELIAAN JURUAUDIT PIE DAN KUMPULAN WANG JADUAL</b>	15
Pendaftaran dan Pengiktirafan Firma Audit dan Juruaudit Individu	16
Garis Panduan Mengenai Kewajipan Berterusan untuk Juruaudit Berdaftar	18
Pemeriksaan ke atas Firma Audit dan Juruaudit Individu	20
Penguatkuasaan ke atas Firma Audit dan Juruaudit Individu	23
<b>LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN DAN INISIATIF PEMBANGUNAN KAPASITI</b>	25
Libat Urus dan Perbincangan tentang Kualiti Audit	26
Bengkel untuk Membincangkan Penemuan Pemeriksaan Lazim	31
<b>MENYOKONG PENGGUNAAN DAN PELAKSANAAN PIAWAIAN</b>	33
Pembangunan dan Pelaksanaan Piawaian dan Peraturan	34
Perundingan IOSCO mengenai Muhibah	35
<b>PENYATA</b>	37
Ahli Lembaga Pemantauan Audit	38
Penyata Tadbir Urus	43
Penyata Kewangan	47
<b>LAIN-LAIN</b>	65
Akronim dan Singkatan	66
Definisi	67





# PERUTUSAN PENGERUSI

# PERUTUSAN Pengerusi



Ini adalah satu penghargaan yang besar untuk saya membentangkan *Laporan Tahunan Lembaga Pemantauan Audit* (AOB) bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. Ini merupakan laporan pertama saya sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif AOB, selepas dilantik pada 5 Januari 2024.

Saya bersyukur menyertai AOB pada masa Malaysia terus menduduki tempat pertama untuk kualiti juruaudit dan pengawal selia audit dalam *Corporate Governance (CG) Watch 2023* yang dikeluarkan oleh Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA). Ini merupakan kali ketiga berturut-turut Malaysia memegang kedudukan ini. Saya gembira melaporkan bahawa kami berjaya melakukannya dengan peningkatan enam mata daripada skor sebelumnya. Peningkatan dalam skor ini menyerlahkan usaha berterusan Malaysia untuk terus menaikkan tahap dan menetapkan piawaian dalam pengawasan audit.

## PENGAWASAN JURUAUDIT ENTITI BERKEPENTINGAN AWAM DAN KUMPULAN WANG JADUAL

Pemantauan juruaudit termasuklah pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan. Aktiviti pengawasan AOB termasuk mengukuhkan usaha pemantauan berterusan dengan mengeluarkan garis panduan dan mempengaruhi ekosistem pelaporan kewangan melalui siri Perbualan AOB dengan juruaudit, jawatankuasa audit (AC) syarikat tersenarai awam (PLC) dan kumpulan pelabur. AOB juga meneruskan usaha kerjasamanya dengan badan profesional untuk menetapkan tahap untuk jangkaan kawal selia dan menangani sebarang kebimbangan kolektif juruaudit berdaftar AOB dengan sebolehnya yang mungkin.

Pada tahun 2023, kami mengeluarkan *Garis Panduan Mengenai Kewajipan Berterusan untuk Juruaudit Berdaftar* untuk mengukuhkan rangka kerja pemantauan kami ke atas juruaudit berdaftar dan memastikan pemantauan dan penyeliaan yang lebih baik ke atas juruaudit berdaftar kami.

Seperti dalam tahun-tahun sebelumnya, untuk membolehkan maklumat yang lebih mendalam dikongsi, penemuan pemeriksaan dan pemerhatian terhadap firma audit dan juruaudit akan dibentangkan secara berasingan dalam Laporan Pemeriksaan Tahunan (AIR) 2023. Dalam usaha untuk memudahkan saluran komunikasi bermakna antara AC PLC dan juruaudit mereka, AIR akan terus diedarkan kepada ahli-ahli AC PLC dan pemegang kepentingan utama yang lain.

AOB telus dan jelas dengan jangkaannya terhadap kualiti audit. Kualiti audit terpakai kepada semua firma audit tanpa mengira saiznya dan sebarang ketidakpatuhan terhadap piawaian dan peraturan akan menyebabkan tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana juruaudit berdaftar yang melakukan sebarang pelanggaran. Pada tahun 2023, terdapat beberapa tindakan penguatkuasaan, mulai daripada teguran, larangan dan penalti monetari yang dikenakan ke atas juruaudit.

## PERBINCANGAN DAN LIBAT URUS MENGENAI KUALITI AUDIT

Pada tahun 2023, buat julung kalinya, kami menganjurkan libat urus kami dengan ahli Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IICM) untuk mewujudkan kesedaran tentang fungsi pemantauan audit SC di Malaysia dan untuk mendapatkan pandangan daripada kumpulan pelabur mengenai perkara berkaitan juruaudit dan kualiti audit. Matlamat libat urus adalah untuk membuka saluran komunikasi dengan kumpulan pelabur untuk memahami jangkaan mereka terhadap juruaudit dan pengawal selia audit.

*AOB Alert untuk Jawatankuasa Audit* yang pertama telah dikeluarkan pada tahun laporan dengan tujuan menyediakan kemas kini mengenai usaha kami untuk menggalakkan kualiti audit dan pembangunan penting yang memberi kesan kepada ekosistem pelaporan kewangan. Perbincangan AOB bersama Jawatankuasa Audit dan *AOB Alert untuk Jawatankuasa Audit* direka untuk memastikan AC dimaklumkan dengan secukupnya tentang maklumat yang relevan untuk melaksanakan tanggungjawab pengawasan mereka dengan berkesan.

Kemampuan firma audit berdaftar AOB amat penting untuk menegakkan kualiti audit. Kami mengambil maklum usaha firma untuk menangani isu kadar keberhentian kakitangan. Namun begitu, AOB menggesa juruaudit dan entiti berkepentingan awam (PIE) untuk melabur dan memanfaatkan perkembangan teknologi untuk membantu mengurangkan kebimbangan mengenai sumber manusia dalam jangka pendek. Juruaudit dan PIE juga perlu meneroka penyelesaian teknologi jangka panjang dan mempercepatkan usaha untuk memasukkan teknologi dalam ekosistem pelaporan kewangan.

AOB memantau dengan teliti perkembangan dalam pelaporan dan jaminan kemampuan dan pada masa yang sama berusaha untuk meningkatkan kemahiran pasukan kami dalam pelaporan kemampuan dan jaminannya yang semakin penting di mata dunia.

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan sokongan Pengerusi AOB sebelum ini, Dato' Anantham Kasinather dan seorang ahli bukan eksekutif kami, Dato' Darawati Hussain yang menamatkan penggal mereka dalam Lembaga pada tahun 2023. Pada tahun 2023, kami mengalu-alukan Dato' Noorazman Abd Aziz yang menyertai Lembaga.

Pengiktirafan yang diterima daripada CG Watch 2023 mengukuhkan kedudukan AOB sebagai pengawal selia audit yang dipercayai dan dihormati di rantau ini. Pengiktirafan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa kepimpinan teguh semua ahli lembaga kami dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada pasukan pengurusan kami untuk menyokong kualiti audit.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan pengawal selia, badan perakaunan profesional dan pihak berkepentingan lain atas sokongan berterusan mereka. Saya berharap dapat bekerjasama dengan ahli lembaga saya dan pasukan serba boleh kami untuk meneruskan kemajuan kami dan melaksanakan mandat kami dengan berkesan.



**Tan Sri Abu Samah Nordin**



**SOROTAN**

## SOROTAN UTAMA FUNGSI TERAS LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT PADA TAHUN 2023



## PENDAFTARAN

## MENGUKUHKAN JANGKAAN KAWAL SELIA

- Memperkenalkan **Garis Panduan Mengenai Kewajipan Berterusan untuk Juruaudit Berdaftar** untuk memastikan pemantauan dan penyeliaan yang lebih baik ke atas juruaudit berdaftar
- Mengeluarkan **AOB Alerts kepada Jawatankuasa Audit (AC)** berkaitan perkara mengenai kualiti audit untuk membantu AC berkenaan tanggungjawab pengawasan mereka pada juruaudit
- **Mendaftar** dan mengiktiraf **34** juruaudit individu baharu, **1** firma audit baharu dan **1** juruaudit individu asing baharu
- Memperkukuh ekosistem pelaporan kewangan melalui **siri Perbincangan AOB dengan Juruaudit, AC dan Pelabur**
- Membina kapasiti dan keupayaan juruaudit berdaftar AOB dengan memudahcarakan **program latihan bersasar**



## PEMERIKSAAN

## MEMPERKUKUH FOKUS PADA PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

- **Memeriksa 15** firma audit, **50** rakan kongsi dan **50** tugasan audit
- **22** kes rujukan telah diselesaikan



## PENGUATKUASAAN


## HASIL PENGUATKUASAAN TERTUMPU DAN BERKESAN

- **Menetapkan kualiti melalui tindakan penguatkuasaan - 3** rakan kongsi audit dicela, **dilarang** menerima pelanggan audit entiti berkepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual dan **sejumlah RM75,000** penalti kewangan telah dikenakan
- **Meningkatkan ketelusan dalam komunikasi** - maklumat tambahan mengenai tindakan penguatkuasaan diberikan dalam siaran akhbar untuk memberi pemahaman yang lebih baik tentang pelanggaran dan justifikasi sekatan-sekatan yang dikenakan

### Malaysia Menduduki Tempat Pertama dalam Kategori Juruaudit dan Pengawal Selia Audit dalam CG Watch 2023

Malaysia terus menduduki tempat pertama untuk kualiti juruaudit dan pengawal selia audit dalam Corporate Governance (CG) Watch 2023 yang dikeluarkan oleh Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA). Malaysia memegang gelaran ini buat penilaian ketiga secara berturut, dengan peningkatan enam mata daripada skor sebelumnya.


**CARTA 1**  
Skor Sebelumnya untuk Juruaudit dan Pengawal Selia Audit



Sumber: AOB.

CG Watch 2023 merupakan hasil tinjauan dwitahunan oleh ACGA dan CLSA Ltd ke atas 12 negara Asia termasuk Australia. Negara-negara dinilai berdasarkan kategori seperti tadbir urus kerajaan dan awam, penguatkuasaan, peraturan tadbir urus korporat, pelabur dan juruaudit serta pengawal selia audit. Skor Malaysia sebanyak 92 dalam kategori juruaudit serta pengawal selia audit jauh melebihi skor purata 74 oleh 12 pasaran serantau.

**CARTA 2**  
Juruaudit dan pengawal selia audit: Skor mengikut pasaran



Sumber: ACGA.

Kedudukan ini merupakan pengiktirafan terhadap usaha AOB dan keberkesanan rangka kerja pengawasan audit di Malaysia.

**Profil Juruaudit Individu dan Firma Audit yang Berdaftar dan Diiktiraf AOB setakat 31 Disember 2023**



**374**

Juruaudit individu berdaftar

**13**

Juruaudit individu diiktiraf

**41**

Firma audit berdaftar dan diiktiraf

MENGAUDIT

**1,256** PIE

**RM1,744** BILION

Permodalan pasaran syarikat awam tersenarai (PLC)




MENGAUDIT

**1,339** KUMPULAN WANG JADUAL

**RM696** BILION

Nilai aset bersih (NAV)





**PEMANTAUAN DAN  
PENYELIAAN JURUAUDIT  
PIE DAN KUMPULAN  
WANG JADUAL**

# PEMANTAUAN DAN PENYELIAAN JURUAUDIT PIE DAN KUMPULAN WANG JADUAL

## PENDAFTARAN DAN PENGIKTIRAFAN FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

Pengawasan AOB ke atas juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual dilakukan melalui pendaftaran, pemeriksaan dan fungsi penguatkuasaan.

AOB telah mendaftar dan mengiktiraf 41 firma audit dan 387 juruaudit individu yang berdaftar dan diiktiraf.

Jadual di bawah menyediakan pecahan bilangan pelanggan audit PIE dan kumpulan wang jadual kepada juruaudit berdaftar dan diiktiraf.


Profil firma audit	Bil. firma audit	Bil. juruaudit individu	Bil. pelanggan audit PIE	% jumlah permodalan pasaran	Bil. pelanggan audit kumpulan wang jadual	% jumlah nilai aset bersih
<b>Firma audit berdaftar</b>						
Perkongsian dengan 10 dan lebih rakan kongsi audit	11	263	1,027	95.6%	1,293	98.5%
Perkongsian dengan 5 - 9 dan lebih rakan kongsi audit	17	84	187	4.0%	45	1.5%
Perkongsian dengan kurang daripada 5 rakan kongsi audit	9	27	37	0.3%	1	-
<b>Jumlah kecil</b>	<b>37</b>	<b>374</b>	<b>1,251</b>	<b>99.9%</b>	<b>1,339</b>	<b>100.0%</b>
Firma audit asing yang diiktiraf	4	13	5	0.1%	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>41</b>	<b>387</b>	<b>1,256</b>	<b>100%</b>	<b>1,339</b>	<b>100.0%</b>

Sumber: AOB.

Carta 1 menggambarkan lebih lanjut bilangan firma audit dan juruaudit individu yang berdaftar dengan AOB serta bilangan PIE yang diaudit untuk lima tahun yang terakhir. Bilangan juruaudit berdaftar AOB meningkat 15.1% sepanjang tahun. Perkara ini merupakan trend positif yang menunjukkan komitmen berterusan oleh firma-firma audit untuk membina kapasiti.

**CARTA 1**


Statistik pendaftaran firma audit dan juruaudit individu berdaftar bagi tempoh 5 tahun



Sumber: AOB.

**CARTA 2**

Statistik pengiktirafan firma audit asing dan juruaudit individu diiktiraf bagi tempoh 5 tahun



Sumber: AOB.

Pada masa ini, empat firma audit yang diiktiraf adalah dari Singapura, UK dan Hong Kong. Firma audit yang diiktiraf mestilah firma dari rangkaian gabungan antarabangsa, dengan sokongan teknikal yang berkesan dan kawalan kualiti yang mantap daripada rangkaian yang kukuh. AOB bergantung kepada rangka kerja pengawasan bidang kuasa asal juruaudit yang diiktiraf untuk menentukan sama ada mereka sesuai dan layak untuk mengaudit PIE. Firma audit perlu mematuhi piawaian pengurusan kualiti antarabangsa, pengauditan, etika dan jaminan lain. Selanjutnya, mereka perlu tertakluk kepada pemeriksaan berkala oleh pengawal selia audit asal mereka.

## GARIS PANDUAN MENGENAI KEWAJIPAN BERTERUSAN UNTUK JURUAUDIT BERDAFTAR

*Garis Panduan Mengenai Kewajipan Berterusan untuk Juruaudit Berdaftar* (Garis Panduan) yang menggariskan kewajipan yang mesti dipatuhi oleh juruaudit berdaftar, telah dikeluarkan pada 2023. Perkara ini menurut seksyen 31E(1)(a) *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA) yang menyatakan tanggungjawab AOB termasuk melaksanakan dasar yang menyumbang kepada sistem pengawasan audit yang berkesan di Malaysia.

Objektif Garis Panduan ini ialah untuk mengukuhkan rangka kerja bagi juruaudit berdaftar dan memastikan pemantauan dan penyeliaan yang lebih baik terhadap juruaudit berdaftar.

Garis Panduan ini juga menyatukan kewajipan pelaporan tahunan yang dimandatkan melalui pekeliling juruaudit berdaftar. Garis Panduan ini antara lainnya menetapkan keperluan berikut:

### Bahagian 1 Garis Panduan

#### (a) *Pelaporan Ketelusan Tahunan*

Pengeluaran dan penerbitan *Laporan Ketelusan Tahunan* oleh firma audit (hanya firma yang memenuhi kriteria pelaporan) di laman webnya untuk memberi maklumat tentang struktur tadbir urus firma audit, langkah yang diambil oleh firma audit untuk mengekalkan kualiti audit, dan maklumat tentang petunjuk kualiti audit firma audit.

#### (b) *Kegiatan Pengumpulan dan Analisis Statistik*

Penyerahan borang Pengumpulan dan Analisis Statistik (SGA) seperti yang ditetapkan oleh AOB yang mengandungi maklumat kewangan, pelanggan, sumber manusia dan latihan.



**Bahagian 1:**

**Keperluan Penzahiran Sedia Ada**

Dikeluarkan dan Berkuat Kuasa pada 26 Jun 2023



**Pelaporan Ketelusan Tahunan**  
Firma Audit Berkaitan\* mesti mengeluarkan dan menerbitkan Laporan Ketelusan Tahunan di laman webnya dalam tempoh empat bulan dari tahun kewangannya.

\* Firma Audit Berkaitan ialah firma audit berdaftar AOB yang mempunyai lebih daripada 50 pelanggan audit PIE dan pelanggan audit PLC dengan lebih daripada RM15 bilion jumlah permodalan pasaran untuk dua tahun berturut-turut pada 31 Disember



**Kegiatan SGA**  
Firma audit berdaftar AOB, selain Firma Audit Berkaitan, mesti menyerahkan Borang SGA pada 30 Jun kepada AOB sebelum 15 Ogos setiap tahun kalendar

## Bahagian 2 Garis Panduan

### (c) *Pertukaran Juruaudit*

Kelulusan profesional oleh juruaudit yang akan keluar kepada juruaudit yang akan masuk apabila terdapat pertukaran juruaudit.

### (d) *Peletakan Jawatan dan Penyingkiran Juruaudit*

Penyerahan pemberitahuan bertulis kepada AOB oleh juruaudit mengenai sebab yang berkaitan dengan peletakan jawatan dan penyingkirannya sebagai juruaudit.



**Bahagian 2:**  
**Keperluan Baharu**  
Berkuat Kuasa  
1 Julai 2024

 <p><b>Pertukaran Juruaudit</b></p>	<p>Sebelum menerima pelantikan sebagai juruaudit PIE, juruaudit yang akan masuk mesti–</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>mendapatkan kelulusan profesional</b> daripada juruaudit yang akan keluar; dan</li> <li>• <b>melengkapkan penilaian</b> untuk <b>penerimaan</b> tugas audit baharu</li> </ul>
 <p><b>Peletakan Jawatan dan Penyingkiran Juruaudit</b></p>	<p>Juruaudit <b>yang akan keluar</b> mesti memberikan <b>jawapan bertulis</b> kepada juruaudit yang akan masuk dalam tempoh <b>14 hari perniagaan</b> daripada penerimaan permintaan.</p> <p>Jika <b>kebenaran tidak diberikan oleh pelanggan audit PIE</b> untuk menzahirkan maklumat tambahan berkaitan sebab profesional, <b>juruaudit yang akan keluar</b> mesti–</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>memaklumkan</b> kepada juruaudit yang akan masuk tentang ketidaksetujuan dalam <b>jawapan bertulis</b>; dan</li> <li>• <b>menghantar</b> salinan jawapan bertulis kepada <b>AOB</b> pada masa yang sama</li> </ul>
 <p><b>Peletakan Jawatan dan Penyingkiran Juruaudit</b></p>	<p>Selepas memberikan <b>notis peletakan jawatan</b> sebagai juruaudit PIE, <b>juruaudit yang akan keluar</b> mesti menyerahkan yang berikut kepada <b>AOB</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>pemberitahuan bertulis</b> yang menyatakan–                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>sebab dan keadaan tertentu</b> yang menyebabkan peletakan jawatan</li> <li>- sebarang <b>keimbangan audit utama</b> yang berkaitan dengan penyata kewangan tahunan pelanggan audit PIE dalam masa 5 hari perniagaan; dan</li> </ul> </li> <li>• satu salinan surat pelepasan profesional</li> </ul>
 <p><b>Peletakan Jawatan dan Penyingkiran Juruaudit</b></p>	<p>Jika juruaudit berdaftar <b>disingkirkan</b> oleh pelanggan audit PIE, juruaudit berdaftar mesti <b>memberitahu AOB</b> tentang penyingkiran tersebut dan sebab penyingkiran itu jika diketahui oleh juruaudit berdaftar, <b>dalam masa 5 hari perniagaan</b> selepas menerima notis penyingkiran daripada pelanggan audit PIE</p>

Juruaudit hendaklah memastikan–

- pematuhan berterusan terhadap garis panduan AOB sepanjang tempoh sah pendaftaran dan/atau pengiktirafan; dan
- bahawa maklumat yang didedahkan atau diserahkan kepada AOB adalah benar, lengkap dan tepat.


Kegagalan untuk mematuhi sebarang syarat akan menyebabkan tindakan dimulakan di bawah seksyen 31Z dan/atau 31Q SCMA atau apa-apa tindakan lain yang dianggap perlu.

### PEMERIKSAAN KE ATAS FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

AOB menjalankan pemeriksaan ke atas juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual untuk menggalakkan audit berkualiti tinggi dan penyata kewangan teraudit yang boleh dipercayai.

**CARTA 3**

Gambaran ringkas pemeriksaan



Maklumat mendalam tentang program pemeriksaan, termasuk penemuan pemeriksaan lazim, hasil semakan, analisis trend dan usaha pemulihan yang diambil oleh firma audit yang diperiksa akan dibentangkan secara berasingan dalam *Laporan Pemeriksaan Tahunan 2023 (AIR) AOB*.



## Sorotan Pemeriksaan untuk tahun 2023


### (A) Skop

**Piawaian Antarabangsa tentang Kualiti Pengurusan (ISQM) 1 Undang-Undang Kecil (mengenai Etika Profesional, Tingkah Laku dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil)**

- Proses Penilaian Risiko
- Tadbir Urus dan Kepimpinan
- Keperluan Etika
- Penerimaan dan Penerusan Pelanggan
- Sumber Manusia
- Maklumat dan Komunikasi
- Prestasi Tugas
- Pemantauan



**Tumpuan Tahun 2023:**  
Reka bentuk dan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti firma



**Penemuan lazim dikenal pasti**


- Tiada rangkuman objektif kualiti mandatori daripada proses penilaian risiko
- Tiada pengenalpastian risiko kualiti utama yang memberi kesan kepada objektif kualiti mandatori dalam daftar risiko firma
- Tiada prestasi penilaian (iaitu, kemungkinan berlaku, kesan) ke atas risiko kualiti yang dikenal pasti dalam menyediakan asas untuk reka bentuk dan pelaksanaan tindak balas risiko
- Tiada pelaksanaan tindak balas risiko untuk menangani risiko yang dikenal pasti

**Semakan tugas: Pematuhan ISA**

- Analisis data kualiti juruaudit berdasarkan keputusan pemeriksaan terdahulu
- Risiko PLC masing-masing dikenal pasti secara objektif berdasarkan petunjuk yang dipandu data yang boleh diperhatikan dan maklumat yang berpandangan ke hadapan
- Menggabungkan ulasan tematik dalam menangani isu sistemik yang muncul atau berpotensi



**Tumpuan Tahun 2023:**  
Keutamaan diberikan kepada petunjuk kewangan negatif yang dipandu data




**Bidang utama khusus yang dikenal pasti sebagai berisiko tinggi**

- Penilaian aset bukan kewangan
- Usaha berterusan
- Pengiktirafan hasil
- Pergantungan pada kawalan dalaman

**(B) Industri**

**Industri yang diliputi oleh semakan peringkat tugas pada tahun 2023**



**(C) Tindakan**

Untuk mengurangkan risiko kegagalan masa hadapan yang timbul daripada kebimbangan kualiti audit yang serius, tindakan berikut telah dikenakan ke atas firma audit dan rakan kongsi individu:

- (a) Perundingan teknikal wajib diperolehi daripada rangkaian global firma dalam menangani pengolahan perakaunan yang sesuai untuk kelas-kelas transaksi dan baki tertentu.
- (b) Keperluan untuk menunjukkan usaha Firma untuk meningkatkan kecekapan dan keraguan profesional ke atas rakan kongsi tugas, ahli pasukan tugas dan rakan kongsi Semakan Kualiti Tugas (EQR) dalam bidang-bidang utama.
- (c) Kewajipan untuk melaksanakan semula prosedur audit khusus untuk menangani penemuan pemeriksaan dan/atau untuk membetulkan dengan segera sebarang potensi kesan ke atas penyata kewangan tahun kewangan yang berkenaan.
- (d) Rujukan firma audit tertentu yang diperiksa dan juruaudit individu termasuk rakan kongsi EQR kepada Jabatan Penguatkuasaan AOB bergantung kepada keseriusan penemuan pemeriksaan.

## PENGUATKUASAAN KE ATAS FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

Tindakan penguatkuasaan AOB tertumpu untuk mencapai tahap pematuhan yang tinggi dalam kalangan pendaftar AOB.

### Tanggungjawab

- Menjalankan siasatan tentang kemungkinan ketidakpatuhan terhadap piawaian pengauditan dan etika
- Menilai ketidakpatuhan berdasarkan fakta yang diperolehi daripada siasatan yang dilakukan
- Mengenakan sekatan penguatkuasaan yang bersekadar berdasarkan sifat dan keseriusan pelanggaran

### Mencapai Keputusan yang Adil dan Seimbang

Dalam menentukan keputusan yang hendak dicapai, terdapat beberapa faktor yang dipertimbangkan:



### Sorotan daripada Aktiviti Penguatkuasaan AOB pada tahun 2023:

#### Tindakan Penguatkuasaan Diambil pada tahun 2023



**RM75,000** Penalti Monetari Diperoleh pada tahun 2023

Pada tahun 2023, tiga tindakan penguatkuasaan telah diambil kerana ketidakpatuhan terhadap ISA yang berkaitan, seperti ditunjukkan di atas. Dua rakan kongsi audit dilarang mengaudit dan menerima PIE dan kumpulan wang jadual sebagai pelanggan audit untuk tempoh setahun dan denda monetari berjumlah RM75,000 telah dikenakan. Satu lagi rakan kongsi audit telah dicela.

Baca lebih lanjut mengenai Tindakan Penguatkuasaan AOB di <https://www.sc.com.my/aob/aobs-sanctions>

### Bilangan kes selesai sejak tahun 2021

Tahun	Bil. rujukan untuk prosiding penguatkuasaan	Bil. kes yang diselesaikan sebelum tahun 2023	Bil. kes yang diselesaikan pada tahun 2023	Bil. kes yang sedang berjalan sehingga 31 Disember 2023
2021	1	1	-	-
2022	4	-	2	2
2023	7	-	-	7
<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>9</b>

### Pemerhatian Penguatkuasaan AOB



**BUKTI AUDIT**

- Dokumentasi yang tidak wujud, tidak lengkap atau tidak mencukupi



**KEBEBASAN JURUAUDIT**

- Terlalu bergantung pada maklumat yang diberikan oleh pelanggan
- Kegagalan untuk mengesahkan kebolehpercayaan maklumat yang diberikan oleh pelanggan



**PERANAN EQR**

- Kegagalan untuk menyemak bidang pertimbangan penting dengan secukupnya
- Ketiadaan semakan yang mantap




**LIBAT URUS BERSAMA  
PIHAK BERKEPENTINGAN  
DAN INISIATIF  
PEMBANGUNAN KAPASITI**

# LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN DAN INISIATIF PEMBANGUNAN KAPASITI

## LIBAT URUS DAN PERBINCANGAN TENTANG KUALITI AUDIT

Libat urus proaktif dengan pihak berkepentingan utama termasuk juruaudit, penyedia penyata kewangan, jawatankuasa audit, pelabur dan rakan pengawal selia adalah penting untuk menggalakkan pelaporan kewangan dan amalan audit berkualiti tinggi. Libat urus ini membantu AOB untuk lebih memahami keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan ini dan menyelaraskan usaha untuk impak maksimum.

### Pembinaan Kapasiti dan Usaha Kerjasama AOB pada tahun 2023



## Mengekalkan Konsistensi dalam Pengawasan Audit dalam Kalangan Pengawal Selia

AOB terus melibatkan dirinya di peringkat global dan serantau melalui keahlian dengan Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR) dan Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG). Perkongsian bersama tentang pandangan berharga untuk amalan terbaik kawal selia menggalakkan konsistensi yang lebih besar dalam pemantauan audit dalam kalangan rakan pengawal selia audit.

Bengkel tahunan dan mesyuarat pleno IFIAR dan AARG memberi peluang untuk–

- mendapatkan pandangan yang lebih mendalam tentang rejim kawal selia semasa di peringkat global dan serantau;
- berkongsi teknik pemeriksaan; dan
- membincangkan penemuan lazim.

Ia juga berfungsi sebagai platform bagi pengawal selia untuk terlibat dengan kepimpinan global dan serantau bagi enam firma Jawatankuasa Dasar Awam Global (GPPC) mengenai isu dan inisiatif kualiti audit.

### IFIAR

IFIAR ialah forum global untuk pengawal selia audit dan terdiri daripada 54 pengawal selia audit dari bidang kuasa di Afrika, Amerika Utara dan Selatan, Asia-Pasifik, Eropah dan Timur Tengah. IFIAR menyediakan forum untuk pengawal selia audit bebas untuk berkongsi antara satu sama lain pengetahuan dan pengalaman mereka, dengan tumpuan pada pemeriksaan ke atas juruaudit dan firma audit.

### AARG

AARG ialah sebuah kumpulan pengawal selia audit yang terdiri daripada pengawal selia serantau, iaitu AOB, Pusat Pembinaan Profesi Keuangan Indonesia (PPPK Indonesia), Pihak Berkuasa Kawal Selia Perakaunan dan Korporat bagi Singapura (ACRA Singapura), Sekuriti dan Suruhanjaya Bursa, Thailand (SEC Thailand) dan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Filipina (SEC Filipina).

## Sesi IFIAR dan AARG utama diadakan pada tahun 2023

### Global

#### Bengkel Pemeriksaan ke-17 IFIAR

Bengkel yang dianjurkan oleh PPPK Indonesia ini diadakan di Bali dari 7 hingga 9 Mac 2023. Pegawai pemeriksa AOB menghadiri bengkel ini bersama dengan lebih daripada 45 peserta dari 39 bidang kuasa. Topik yang dibincangkan termasuk:

- Trend global dan kemungkinan implikasi kepada pengawal selia audit yang timbul daripada pelaporan dan jaminan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)
- Pendekatan dan cabaran pemeriksaan berhubung dengan ISQM 1 yang baharu
- Dan pemeriksaan ke atas audit bank dan audit IT.

#### Mesyuarat Pleno IFIAR 2023

Diadakan di Washington DC dari 25 hingga 27 April 2023, sesi ini dihadiri oleh ahli, pemerhati dan pihak berkepentingan utama lain dari 44 bidang kuasa Ahli IFIAR. Perbincangan tertumpu pada:

- Perkembangan utama dan trend baharu muncul dalam industri audit termasuk perkembangan kualiti audit
- Keperluan yang muncul terhadap pelaporan dan jaminan kemampuan
- Kebimbangan terhadap daya tarikan profesion

Serantau

**Bengkel AARG**

Bengkel yang dianjurkan oleh ACRA Singapura dari 25 hingga 27 September 2023 ini merupakan bengkel bersemuka yang pertama sejak tahun 2019. Negara ahli AARG (ACRA Singapura, AOB Malaysia, SEC Thailand, PPPK Indonesia dan SEC Filipina) bersama-sama dengan bukan ahli AARG, iaitu Kemboja dan Hong Kong, mengambil peluang ini untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai peraturan audit, pemeriksaan dan penguatkuasaan.

**Menggalakkan pengawasan yang berkesan terhadap juruaudit dan proses audit**

Jawatankuasa Audit (AC) memainkan peranan penting dalam proses pelaporan kewangan melalui pengawasan mereka terhadap juruaudit dan proses audit. Pengawasan yang berkesan oleh AC yang kukuh, berpengetahuan dan bebas adalah penting untuk meningkatkan kualiti audit.


Perbincangan AOB dengan AC ialah platform untuk berkongsi aktiviti pengawasan dan pemerhatian AOB terhadap kualiti audit. Sesi ini meliputi implikasi pelaporan kewangan bagi perkara berkaitan iklim. Terdapat perbincangan mengenai pendedahan risiko berkaitan iklim dan kesan yang berpotensi ke atas penyata kewangan PLC. Contoh kesan yang berpotensi kepada penyata kewangan industri tertentu seperti perbankan, pertanian dan hartanah, juga dikongsi dengan AC. AC digesa untuk memastikan bahawa terdapat struktur tadbir urus yang mencukupi untuk memantau perkara berkaitan iklim dan melibatkan pihak pengurusan dan juruaudit tepat pada masanya.



Sesi berlangsung pada  
27 November 2023



Dihadiri oleh 278 AC dari 249 PLC



Pada November 2023, AOB Alert pertama untuk AC telah dikeluarkan. Matlamat AOB Alert ini adalah untuk—

- menyediakan maklumat terkini tentang usaha AOB untuk menggalakkan kualiti audit dan pembangunan utama yang menjejaskan ekosistem pelaporan kewangan; dan
- memudahkan AC untuk mengadakan perbincangan yang bermakna dengan pihak berkepentingan utama.

Perbincangan AOB dengan AC dan AOB Alert dibuat untuk memastikan bahawa AC dimaklumkan dengan secukupnya mengenai maklumat yang berkaitan untuk melaksanakan tanggungjawab pengawasan mereka dengan berkesan.

Baca *AOB Alert* di <https://www.sc.com.my/aob/aob-alert>

## Libat urus dengan Kepimpinan Firma Audit

Libat urus dengan kepimpinan firma audit berdaftar AOB membolehkan AOB menyokong kerja audit yang berkualiti. Libat urus ini menyediakan platform untuk AOB mendengar pandangan dan cabaran yang dihadapi oleh juruaudit dan memutuskan sama ada campur tangan kawal selia diperlukan. Bidang perbincangan termasuk penemuan pemeriksaan lazim, pemerhatian dan kemas kini peraturan.



Perbincangan AOB dengan Firma Utama dan Firma Lain diadakan pada Ogos 2023



Dihadiri oleh 74 juruaudit kanan

## Mendapatkan Pandangan daripada Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain

Selain menjadi ahli IFIAR, AOB juga berada dalam Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain (IOSWG) IFIAR. Penglibatan dalam IOSWG memberikan AOB cara untuk memahami jangkaan pelabur dan pihak berkepentingan lain terhadap juruaudit dan pengawal selia audit.

AOB telah memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan daripada bidang kuasa lain mengenai perkara yang berkaitan dengan perlindungan pelabur dan meningkatkan kualiti audit. Awal tahun laporan ini, sebagai sebahagian daripada perundingan IOSWG, AOB mendapatkan maklum balas mengenai andaian pihak berkepentingan untuk sebab di sebalik kegagalan audit. Maklum balas ini akan membantu IOSWG untuk mereka bentuk aktiviti untuk meningkatkan kualiti audit.

Sehubungan itu, penglibatan sulungnya dengan ahli Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IICM) telah diadakan pada 23 November 2023 untuk mendapatkan pandangan daripada kumpulan pelabur tentang perkara berkaitan juruaudit dan kualiti audit.

Sesi ini dihadiri wakil beberapa pelabur institusi terbesar di Malaysia seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Lembaga Tabung Haji.



## BENKEL UNTUK MEMBINCANGKAN PENEMUAN PEMERIKSAAN LAZIM

Pada tahun 2023, AOB bekerjasama dengan MICPA untuk menganjurkan bengkel untuk juruaudit berdaftar AOB untuk membincangkan penemuan lazim yang ditemui semasa pemeriksaan firma audit dan tugas audit.

Bengkel ini adalah sebahagian daripada siri inisiatif pembinaan kapasiti berterusan yang dijalankan oleh AOB untuk membantu profesion audit.

Sesi ini membantu firma audit dalam meningkatkan kualiti audit dengan menyediakan kes kajian tentang amalan terbaik audit dalam bidang audit utama seperti persampelan dan anggaran perakaunan. Bengkel yang dimudahcara oleh wakil Firma Audit Utama menyediakan ruang kepada juruaudit untuk berkongsi pengalaman mengenai cabaran audit utama.




Tiga sesi diadakan dalam bulan Oktober dan November 2023



176 juruaudit dan kakitangan audit telah menghadiri diri

*Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.*



# **MENYOKONG PENGGUNAAN DAN PELAKSANAAN PIAWAIAN**

# MENYOKONG PENGGUNAAN DAN PELAKSANAAN PIAWAIAN

## PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PIAWAIAN DAN PERATURAN

Pembangunan piawaian perakaunan dan pengauditan dan pelaksanaan seterusnya adalah penting untuk meningkatkan tahap kualiti audit.

Selaras dengan usaha mempengaruhi kualiti audit dengan mengukuhkan profesion perakaunan, AOB mengambil bahagian sebagai pemerhati dalam mesyuarat yang diadakan oleh Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan (AASB) dan Lembaga Piawaian Etika (ESB) Institut Akauntan Malaysia (MIA).

AOB membantu merapatkan jurang antara industri dan profesion dalam memahami cabaran berbeza yang timbul daripada isu perakaunan dan pengauditan semasa, dan juga menyumbang pandangan mengenai hal-hal yang perlu diberikan perhatian.

Bagi menyokong pelaksanaan *Piawaian Dedahan Kemampunan IFRS* (Piawaian ISSB) dan piawaian jaminan kemampunan di Malaysia, Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kemampunan (ACSR) telah ditubuhkan. ACSR dipengerusikan oleh SC, dan terdiri daripada wakil-wakil daripada BNM, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Yayasan Laporan Kewangan dan AOB.

Pada Oktober 2023, SC menganjurkan meja bulat global mengenai draf pendedahan IAASB, Cadangan Piawaian Antarabangsa mengenai Jaminan Kelestarian (ISSA) 5000 Keperluan Umum untuk Penglibatan Jaminan Kelestarian. Meja bulat global ISSA 5000 telah disertai oleh penyedia maklumat kemampunan, penetapan piawai pelaporan kemampunan, pengamal jaminan, badan profesional dan pengawal selia dari rantau Asia Pasifik. Semasa acara itu, AOB telah berkongsi perspektif tentang penggunaan piawaian jaminan kemampunan.

Sepanjang tahun ini, AOB juga telah berkongsi ulasan mengenai pelbagai draf pengumuman seperti di Jadual 1.

### JADUAL 1

Ulasan AOB mengenai draf pengumuman

Ulasan dikemukakan kepada	Draf Pengumuman
SSM	Cadangan Semakan Pengecualian Kriteria Audit Bagi Syarikat Swasta di Malaysia
IAASB	Cadangan Bahagian 10, Audit Penyata Kewangan Kumpulan daripada Cadangan Piawaian Antarabangsa bagi Audit Penyata Kewangan Entiti Kurang Kompleks (ISA untuk LCE) dan Cadangan Perubahan Pematuhan
Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO)	Perundingan IOSCO mengenai Muhibah

## Perundingan IOSCO mengenai Muhibah

Pada Jun 2023, IOSCO mengeluarkan kertas perundingan mengenai muhibah untuk mengumpul pandangan daripada penerbit, jawatankuasa audit, pelabur dan juruaudit.

Mengikut pemerhatian sejak krisis kewangan, jumlah baki muhibah terkumpul S&P 500 telah meningkat lebih daripada dua kali ganda daripada AS\$1.6 trilion pada tahun 2008 kepada AS\$3.7 trilion pada tahun 2021. Muhibah terkumpul syarikat tersenarai di Kesatuan Eropah juga mempunyai trend peningkatan yang sama. Kenaikan ini disebabkan oleh aktiviti penggabungan dan pengambilalihan aktif dengan harga pengambilalihan yang tinggi.


Muhibah tertakluk kepada ujian kemerosotan nilai setiap tahun dan tiada pelunasan di bawah piawaian perakaunan global semasa. Muhibah terjejas apabila amaun boleh pulihnya lebih rendah daripada amaun bawaannya. Seseengah pihak berkepentingan bimbang bahawa andaian optimistik digunakan dalam menganggar amaun boleh pulih dan mengakibatkan kerugian kemerosotan nilai tidak diiktiraf dengan secukupnya dan tepat pada masanya.

Dalam menyokong rancangan IASB untuk meningkatkan keperluan penzahiran mengenai pemerolehan dan prestasi seterusnya, IOSCO berpandangan bahawa kemerosotan nilai muhibah boleh ditambah baik lagi. Pemerhatian IOSCO tentang isu-isu yang berkaitan dengan muhibah digambarkan dalam Rajah 1.

Semasa Perbincangan Tahunan AOB dengan Firma Audit Utama, AOB memberikan latar belakang ringkas tentang Perundingan IOSCO mengenai Muhibah dan mendapatkan pandangan juruaudit tentang soalan-soalan yang berkaitan. Maklum balas juruaudit kepada *Perundingan mengenai Muhibah IOSCO – Soalan untuk Juruaudit Bebas* dikumpulkan dan diringkaskan dalam Rajah 2.

### RAJAH 1


Pemerhatian IOSCO terhadap isu sekitar muhibah



Sumber: Perundingan IOSCO mengenai Muhibah

### RAJAH 2

Maklum Balas Terkumpul Juruaudit kepada Perundingan IOSCO mengenai Muhibah – Soalan untuk Juruaudit Bebas



**Apakah cabaran yang anda alami semasa menguji kemunasabahan andaian pengurusan yang digunakan dalam ujian kemerosotan muhibah?**

Cabaran utama ialah pihak pengurusan cenderung untuk terlalu optimistik dalam anggaran aliran tunai masa depan dan prospek perniagaan dan juruaudit juga telah menghadapi cabaran berikut:

- Penggunaan model kompleks dalam ramalan aliran tunai masa hadapan dalam persekitaran makroekonomi yang tidak menentu
- Maklumat umum dan setara yang terhad apabila entiti beroperasi dalam niche atau pasaran baru
- Andaian pihak pengurusan bahawa penilaian kemerosotan nilai akan dilaksanakan oleh juruaudit
- Tiada penglibatan pakar yang sesuai untuk membantu dalam penilaian kemerosotan nilai muhibah disebabkan faktor kos

**Bagaimanakah anda mengekalkan dan menunjukkan keraguan profesional anda semasa mengaudit anggaran pengurusan yang digunakan dalam ujian kemerosotan nilai muhibah?**

- Menugaskan kakitangan audit dengan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang sesuai
- Lakukan semakan semula untuk mengenal pasti dan menilai kesempurnaan dan konsistensi kaedah, andaian dan data
- Lakukan analisis sensitiviti untuk mengenal pasti dan mencabar andaian dan data utama
- Lakukan analisis pulang modal untuk mengenal pasti ruang yang ada untuk andaian dan data utama
- Lakukan semakan peristiwa selepas akhir tahun kewangan untuk mengenal pasti maklumat yang menyokong atau bercanggah dengan anggaran pihak pengurusan
- Penggunaan pakar industri dan pakar juruaudit, terutamanya dalam bidang yang kompleks

**Adakah dokumentasi pengurusan menyokong secukupnya kemunasabahan andaian dan pertimbangan yang dilaksanakan?**

- Ia bergantung kepada pengalaman dan pengetahuan pengurusan, penglibatan dan tahap dokumentasi yang diperlukan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan dengan tadbir urus (TCWG) dan kematangan industri
- PIE yang lebih besar dengan kawalan dalaman yang mantap dan kakitangan yang cekap akan mempunyai dokumentasi yang lebih terperinci tentang andaian dan pertimbangan yang dibuat
- Sesetengah juruaudit mengutarakan bahawa dokumentasi pengurusan yang tidak mencukupi dan maklumat hanya diberikan apabila diminta selanjutnya oleh juruaudit

**Adakah pihak pengurusan memberi pertimbangan objektif kepada kedua-dua maklumat yang menyokong dan bercanggah apabila menetapkan andaian?**

Pengurusan secara amnya berat sebelah terhadap maklumat yang menyokong dan cenderung terlalu optimistik dalam andaian utama mereka. Berat sebelah yang tidak sedari ini mungkin berlaku melalui:

- Berpegang kepada andaian yang dibuat sebelum COVID-19 yang mungkin tidak lagi menggambarkan keadaan pasaran semasa
- Kesan halo kepada kebolehpasaran produk atau perkhidmatan baharu berdasarkan kejayaan masa lalu
- Berat sebelah bersifat status quo ke atas ramalan aliran tunai yang dibuat pada tahun-tahun sebelumnya
- Berat sebelah bersifat kelangsungan yang timbul daripada ruang yang ada bagi CGU berprestasi berbanding CGU tidak berprestasi
- Kekurangan justifikasi yang betul dalam kadar diskaun yang digunakan

**PENYATA**

**AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT**



**TAN SRI ABU SAMAH NORDIN**



**ALEX OOI THIAM POH**



**SALMAH BEE MOHD MYDIN**



**HONG CHIN PHENG**



**DATUK NOR AZIMAH  
ABDUL AZIZ**



**DATO' SERI AHMAD JOHAN  
MOHAMMAD RASLAN**



**DATO' NOORAZMAN  
ABD AZIZ**

Baca lebih lanjut tentang Lembaga Pemantauan Audit  
<https://www.sc.com.my/aob/about-audit-oversight-board>



### **Tan Sri Abu Samah Nordin**

*Dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada 5 Januari 2024*

Tan Sri Abu Samah membawa bersama pengalaman beliau lebih 40 tahun dalam pelbagai kapasiti semasa berkhidmat dalam agensi kerajaan dan badan kehakiman.

Tan Sri Abu Samah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Bahagian Komersial Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 1994, sebelum menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Bahagian Komersial pada tahun 1996.

Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Tinggi di Kuantan, Shah Alam, dan Melaka antara tahun 1997 dan 2003. Beliau kemudiannya menjadi Hakim di Bahagian Jenayah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 2007. Beliau dinaikkan pangkat ke Mahkamah Rayuan pada tahun yang sama dan Mahkamah Persekutuan pada tahun 2013 sebelum bersara daripada perkhidmatan dalam badan kehakiman pada tahun 2018.

Tan Sri Abu Samah memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang LLB (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Undang-undang dari University College London.



### **Alex Ooi Thiam Poh**

*Dilantik sebagai Pegawai Eksekutif pada 24 November 2017*

Alex Ooi kini merupakan Pengarah Eksekutif SC yang bertanggungjawab sebagai Pegawai Eksekutif AOB.

Alex kini terlibat dalam Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan, Lembaga Piawaian Etika dan Lembaga Pendidikan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Alex berkhidmat sebagai Penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan juga mewakili SC sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pelesenan Audit Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau merupakan bekas Ahli Majlis MIA.

Beliau merupakan ahli Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain Forum Antarabangsa Pengawal Selia Audit Bebas. Alex juga kini merupakan ahli Pusat Kecemerlangan Etika dan Piawaian Profesional CPA Australia. Beliau sebelum ini merupakan Presiden Divisyen Malaysia CPA Australia pada tahun 2013 dan 2014. Beliau merupakan bekas ahli Lembaga Penasihat Amalan Awam CPA Australia di Melbourne, Australia.

Alex ialah Akauntan Bertauliah MIA, Felo CPA Australia, ahli Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales (ICAEW) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) dari Universiti Monash, Australia.



**Salmah Bee Mohd Mydin**

*Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Januari 2020*

Salmah Bee Mohd Mydin ialah Pengarah Eksekutif Pembangunan Pasaran di SC yang bertanggungjawab untuk penggubalan dasar dalam bidang kemampanan, tadbir urus korporat, pembangunan produk pelaburan serta pembangunan sekuriti dan derivatif.

Tumpuan penting agenda SC ialah pembangunan pasaran modal yang inklusif dan mampan dan Salmah mengetuai pasukan yang bertanggungjawab merangka inisiatif untuk meningkatkan kecekapan, kerancakan dan daya saing pasaran. Pengalaman Salmah sebelum ini dalam fungsi kawal selia termasuk penyiasatan, penyeliaan dan kebenaran.



**Hong Chin Pheng**

*Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 11 Oktober 2022*

Hong Chin Pheng memegang ijazah dalam perakaunan dan merupakan ahli MIA dan MICPA. Beliau mempunyai lebih 25 tahun pengalaman penyeliaan di BNM. Dalam peranannya sekarang sebagai Pengarah Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, beliau bertanggungjawab ke atas penyeliaan berhemat kumpulan perbankan domestik. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan Kumpulan Bekerja Mengenai Penyeliaan Perbankan Mesyuarat Eksekutif Bank Pusat Asia Pasifik Timur. Beliau mewakili BNM dalam Aliran Kerja Penyeliaan Rangkaian Bank Pusat dan Penyelia Untuk Menghijaukan Sistem Kewangan. Sebelum ini beliau menjadi pengerusi bersama Jawatankuasa Pengurusan Risiko Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim (JC3) dari September 2019 hingga April 2022 dan terlibat dalam pembangunan Taksonomi Berasaskan Prinsip Perubahan Iklim.



### **Datuk Nor Azimah Abdul Aziz**

*Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Januari 2020*

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sebelum pelantikan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 Mei 2020, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kawal Selia dan Penguatkuasaan dan seterusnya menyandang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perkhidmatan Korporat antara tahun 2016 sehingga 2020. Memulakan perkhidmatan dengan SSM sebagai Pengurus Besar di Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada tahun 2003. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1992 sebagai Peguam Bela & Peguam Cara dan seterusnya berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sewaktu berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Kawal Selia dan Piawaian di MIA pada Julai 2000.

Berpengalaman luas dalam inisiatif reformasi undang-undang dan telah menyelia pembangunan perundangan yang penting di bawah bidang kuasa SSM antaranya Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga AOB, Ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB), Ahli Lembaga Yayasan Laporan Kewangan (FRF), Ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif (ExCo) Corporate Registers Forum (CRF) dan terkini beliau dilantik sebagai Profesor Adjung di UKM.

Beliau berkelulusan Undang-Undang daripada Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA atau UiTM) dan memperoleh Ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM in Business Law) dari Aberystwyth University, United Kingdom.



### **Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan**

*Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Disember 2020*

Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan merupakan Pengerusi Eksekutif PwC Malaysia dari tahun 2004 hingga 2012, sebelum beliau bersara dari firma tersebut.

Dato' Seri Johan telah berkhidmat dalam beberapa lantikan dalam kerajaan, termasuk sebagai Pengerusi FRF dari tahun 2003 hingga 2009, ahli Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan BNM dari tahun 2009 hingga 2012, dan ahli Panel Penasihat Antarabangsa Labuan FSA dari tahun 2004 hingga 2012.

Dalam bidang tadbir urus korporat, Dato' Seri Johan membantu SC melancarkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) pertama ke pasaran pada tahun 2000. Sejak itu, beliau telah membantu merangka beberapa versi MCCG yang seterusnya.

Dato' Seri Johan kini merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Sime Darby Property Bhd (Sime Darby Property). Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Kemampunan Lembaga Sime Darby Property. Beliau pernah menjadi ahli lembaga dua PLC lain pada masa lalu. Beliau kini merupakan ahli lembaga Institut Pengarah Korporat Malaysia.

Dato' Seri Johan memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam Ekonomi dan Perakaunan dari University of Hull, UK. Beliau adalah Fellow ICAEW dan ahli MIA dan MICPA. Dato' Seri Johan berkhidmat sebagai Presiden MICPA dari tahun 2011 hingga 2012.



**Dato' Noorazman Abd Aziz**

*Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Ogos 2023*

Dato' Noorazman Abd Aziz mempunyai lebih 37 tahun pengalaman dalam perbankan, pasaran kewangan, perbendaharaan dan pelaburan. Beliau mempunyai pengalaman sebagai ahli Lembaga dari pelbagai sektor dan organisasi.

Dato' Noorazman sebelum ini merupakan Pengarah Eksekutif (Pelaburan) dalam Khazanah Nasional Bhd, Pengasas Bersama dan Pengarah Urusan Fajr Capital Ltd (syarikat penerima pelaburan Khazanah) dan memegang jawatan penting dalam Citibank Bhd, Bank Islam Malaysia Bhd, Kuala Lumpur Stock Exchange Bhd dan Labuan FSA.

Pada tahun 2005, Dato' Noorazman telah dinamakan sebagai pemenang Anugerah Pencapaian Jurubank Asia pertama bagi Kewangan Islam.

Dato' Noorazman kini merupakan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UEM, bahagian dermawan Kumpulan UEM, dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF).

Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah dan Pengerusi Lembaga Pengarah Sun Life Malaysia Assurance Bhd dan Sun Life Malaysia Takaful Bhd, MUFG Bank (Malaysia) Bhd dan CTOS Digital Bhd. Beliau ialah Pengarah Kumpulan Perangsang Selangor Bhd dan ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

Dato' Noorazman ialah ahli Institut Profesional Kewangan Islam Bertauliah, Pengarah Korporat Institut Australia dan ahli Institut Pengarah Korporat Malaysia.

Dato' Noorazman berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari Louisiana State University, Amerika Syarikat.

## PENYATA TADBIR URUS

### Ahli Lembaga

Lembaga AOB terdiri daripada Pengerusi Bukan Eksekutif, Pegawai Eksekutif, dan lima orang Ahli Bukan Eksekutif lain yang dilantik oleh SC. Ahli Bukan Eksekutif merupakan wakil daripada pengawal selia iaitu BNM dan SSM, profesion perundangan, profesion perakaunan dan sektor swasta. Pegawai Eksekutif bertanggungjawab ke atas pentadbiran harian AOB.

Pengerusi Bukan Eksekutif AOB dilantik untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun manakala Ahli Bukan Eksekutif Lembaga dilantik untuk tempoh tidak melebihi dua tahun. Pengerusi Bukan Eksekutif dan Ahli-ahli Bukan Eksekutif layak untuk lantikan semula setelah tamat tempoh perkhidmatan mereka.

Seseorang akan hilang kelayakan untuk memegang jawatan ahli Lembaga AOB sekiranya beliau—

- disabitkan atas suatu kesalahan di bawah undang-undang;
- diisytiharkan muflis;
- gagal menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran; atau
- tidak mampu menjalankan tugasnya.

SCMA menghendaki ahli Lembaga untuk menguruskan konflik kepentingan dengan menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga. Setelah penzahiran dibuat, beliau—

- tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam sebarang perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasanya; dan
- tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk korum Lembaga atau jawatankuasanya yang berkaitan dengan perkara tersebut.

### Tanggungjawab Lembaga

Lembaga AOB bertanggungjawab membantu SC dalam melaksanakan fungsinya di bawah SCMA. Tanggungjawab Lembaga dinyatakan dalam Rajah 1.

#### RAJAH 1

##### Tanggungjawab Lembaga



## Mesyuarat Lembaga

Terdapat sembilan mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun 2023. Kuorum yang diperlukan ialah tiga orang ahli hadir ke mesyuarat, di mana salah seorang daripadanya ialah pegawai eksekutif atau pegawai SC. Rekod kehadiran ahli Lembaga dinyatakan dalam Jadual 1.

### JADUAL 1

Kehadiran di mesyuarat Lembaga

Ahli Lembaga	Bilangan Mesyuarat yang Dihadiri
Dato' Anantham Kasinather <sup>1</sup>	9/9
Alex Ooi Thiam Poh	9/9
Salmah Bee Mohd Mydin	8/9
Hong Chin Pheng	8/9
Datuk Nor Azimah Abdul Aziz	8/9
Dato' Darawati Hussain <sup>2</sup>	3/3
Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan	8/9
Dato' Noorazman Abd Aziz <sup>3</sup>	2/3

## Jawatankuasa AOB

Jawatankuasa Pendaftaran ditubuhkan untuk membincangkan hal-hal berkaitan dengan pendaftaran atau pengiktirafan juruaudit dengan AOB. Sekiranya diperlukan, Jawatankuasa Pendaftaran akan membuat saranan kepada Lembaga mengenai perkara yang memerlukan pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

Berikut adalah ahli-ahli Jawatankuasa Pendaftaran:

- Tan Sri Abu Samah Nordin<sup>4</sup>
- Alex Ooi Thiam Poh
- Hong Chin Pheng

Terdapat dua mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran yang diadakan pada tahun 2023. Pengerusi AOB mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran. Semasa ketiadaannya, seorang ahli Lembaga yang menganggotai Jawatankuasa Pendaftaran boleh ditugaskan untuk memikul tanggungjawab ini.

<sup>1</sup> Melengkapkan penggal beliau sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada 30 November 2023.

<sup>2</sup> Melengkapkan penggal beliau sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 31 Mac 2023.

<sup>3</sup> Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Ogos 2023.

<sup>4</sup> Dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengerusi Jawatankuasa Pendaftaran pada 5 Januari 2024.

Rekod kehadiran ahli Jawatankuasa Pendaftaran dinyatakan dalam Jadual 2.

## JADUAL 2

Kehadiran di mesyuarat jawatankuasa pendaftaran

Ahli Jawatankuasa Pendaftaran	Bilangan Mesyuarat yang Dihadiri
Dato' Anantham Kasinather <sup>1</sup>	2/2
Alex Ooi Thiam Poh	2/2
Dato' Darawati Hussain <sup>2</sup>	1/1
Hong Chin Pheng <sup>3</sup>	1/1

## Juruaudit Luar


Pertimbangan dan cadangan pelantikan juruaudit luar AOB diputuskan dan diluluskan oleh ahli bebas bukan eksekutif SC. Pengerusi dan Pegawai Eksekutif AOB dikecualikan daripada keputusan berkaitan semakan dan pelantikan atau pelantikan semula juruaudit luar.

<sup>1</sup> Melengkapkan penggal beliau sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada 30 November 2023.

<sup>2</sup> Melengkapkan penggal beliau sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 31 Mac 2023.

<sup>3</sup> Dilantik menganggotai Jawatankuasa Pendaftaran pada 19 Mei 2023.

## Struktur Organisasi




**PENYATA KEWANGAN**

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023


	Nota	2023 RM	2022 RM
<b>ASET SEMASA</b>			
Pelbagai penghutang	4	38,191	105,841
Pelaburan lain	5	3,125,772	2,894,466
Tunai dan setara tunai	6	441,917	231,789
		<u>3,605,880</u>	<u>3,232,096</u>
<b>TOLAK: LIABILITI SEMASA</b>			
Pelbagai pemiutang dan akruan	7	(645,597)	(363,459)
ASET SEMASA BERSIH		<u>2,960,283</u>	<u>2,868,637</u>
<b>DIWAKILI OLEH:</b>			
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia		42,516,438	38,016,438
Defisit terkumpul		(39,556,155)	(35,147,801)
		<u>2,960,283</u>	<u>2,868,637</u>

Nota-nota di muka surat 52 hingga 60 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



**AWANG ADEK HUSSIN**  
PENGERUSI  
SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

30 Januari 2024



**OOI THIAM POH**  
PEGAWAI EKSEKUTIF  
LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

### BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
Yuran pendaftaran		3,144,000	3,104,000
Pendapatan kewangan daripada deposit tetap		117,033	65,530
Pendapatan penalti		75,000	1,014,500
Pendapatan lain		-	90,898
		<u>3,336,033</u>	<u>4,274,928</u>
Perbelanjaan pentadbiran	8	<u>(7,744,387)</u>	<u>(7,329,073)</u>
Defisit sebelum cukai		<u>(4,408,354)</u>	<u>(3,054,145)</u>
Perbelanjaan cukai	9	<u>-</u>	<u>-</u>
Defisit dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun		<u>(4,408,354)</u>	<u>(3,054,145)</u>

Nota-nota di muka surat 52 hingga 60 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia RM	Defisit terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2022	34,516,438	(32,093,656)	2,422,782
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	3,500,000	-	3,500,000
Defisit dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun	-	( 3,054,145)	(3,054,145)
Pada 31 Disember 2022/1 Januari 2023	38,016,438	(35,147,801)	2,868,637
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	4,500,000	-	4,500,000
Defisit dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun	-	(4,408,354)	(4,408,354)
Pada 31 Disember 2023	42,516,438	(39,556,155)	2,960,283

Nota-nota di muka surat 52 hingga 60 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## PENYATA ALIRAN TUNAI

### BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	2023 RM	2022 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Defisit sebelum cukai	(4,408,354)	(3,054,145)
Pelarasan untuk: Pendapatan kewangan daripada deposit tetap	(117,033)	(65,530)
<b>DEFISIT OPERASI SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA</b>	(4,525,387)	(3,119,675)
Perubahan dalam modal kerja: Pelbagai penghutang Pelbagai pemiutang dan akruan	83,200 282,138	(13,360) (99,967)
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI OPERASI	(4,160,049)	(3,233,002)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Faedah diterima Pelaburan dalam deposit tetap Penerimaan deposit tetap pada tarikh matang	101,483 (3,125,772) 2,894,466	55,039 (2,894,466) 2,191,477
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN	(129,823)	(647,950)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN</b>		
Dana diterima daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	4,500,000	3,500,000
TUNAI BERSIH DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN	4,500,000	3,500,000
<b>PERGERAKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI</b>		
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI	231,789	612,741
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER	441,917	231,789

Nota-nota di muka surat 52 hingga 60 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

### 1 MAKLUMAT UMUM

Pada 1 April 2010, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menubuhkan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) di bawah seksyen 31C dalam *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA). AOB ditubuhkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 31B dalam SCMA, iaitu:

- (a) Untuk menggalakkan dan membangunkan kerangka kerja pemantauan audit yang efektif dan teguh di Malaysia,
- (b) Untuk meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit di Malaysia,
- (c) Untuk mengawal selia juruaudit bagi entiti kepentingan awam dan kumpulan wang jadual, dan
- (d) Untuk menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan, yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah undang-undang sekuriti, garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau kaedah-kaedah bursa saham, oleh suatu:
  - (i) entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual;
  - (ii) entiti bukan berkepentingan awam yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu syarikat awam tersenarai atau suatu perbadanan disenaraikan di bursa saham; atau
  - (iii) kumpulan wang tidak berjadual yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu kumpulan wang jadual.

Untuk memudah cara tujuan yang dinyatakan di atas, sebuah dana, Dana AOB telah ditubuhkan di bawah seksyen 31H SCMA. Dana AOB ini ditadbir oleh SC. SC memberikan sokongan pentadbiran dan perakaunan kepada Dana AOB dan menyediakan akaun yang berasingan daripada akaun SC menurut seksyen 31L(5) SCMA. SC akan terus menyediakan sokongan kewangan kepada AOB untuk masa depan yang boleh dijangka.

### 2 ASAS PENYEDIAAN

- (a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan AOB telah disediakan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* (MFRS) dan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa* (IFRS).

- (i) Pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang telah dikuatkuasakan

AOB telah mengguna pakai pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang dinyatakan di bawah buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2023:

- MFRS 17 Kontrak Insurans
- Pindaan MFRS 112 'Cukai Tertunda berkaitan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Transaksi Tunggal
- MFRS 101 'Pembentangan Penyata Kewangan' dan Penyata Amalan 2, 'Pendedahan Dasar Perakaunan'
- Pindaan MFRS 112 'Pembaharuan Cukai Antarabangsa – Pillar Two Model Rules'
- Pindaan kepada MFRS 108 'Definisi anggaran perakaunan'

- (ii) Pindaan terhadap piawaian yang diterbitkan, yang telah dikeluarkan tetapi masih belum dikuatkuasakan

Pindaan baharu ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan bermula selepas 1 Januari 2024 dinyatakan di bawah:

- Pindaan ke atas MFRS 16 'Liabiliti Pajakan dalam Urus Niaga Jualan dan Pajak Semula' (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2024).
- Terdapat dua pindaan ke atas MFRS 101 'Pembentangan Penyata Kewangan'
  - Pindaan pertama, 'Pengelasan liabiliti sebagai liabiliti semasa atau liabiliti bukan semasa'
  - Pindaan kedua, 'Liabiliti Bukan Semasa dengan Kovenan'

(ii) Pindaan terhadap piawaian yang diterbitkan, yang telah dikeluarkan tetapi masih belum dikuatkuasakan (*sambungan*)

- Pindaan ke atas MFRS 107 dan MFRS 7 'Urusan kewangan pembekal' (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2024)
- Pindaan ke atas MFRS 121 'Kekurangan dan Pertukaran' (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2025)

Pindaan hendaklah digunakan secara retrospektif

Pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan tersebut akan terpakai pada tarikh kuat kuasa masing-masing. AOB telah memulakan penilaian awal kesan pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan seperti di atas dan kesannya masih dalam penilaian.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan yang dinyatakan dalam Nota 3.

(c) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini disediakan dalam Ringgit Malaysia (RM), di mana ia merupakan mata wang fungsian bagi AOB. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan adalah dalam RM, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan pihak pengurusan membuat keputusan, anggaran dan andaian yang akan memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Jumlah sebenar mungkin berbeza dengan jumlah anggaran.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan kepada anggaran perakaunan dikira dalam tempoh yang anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tidak terdapat sebarang anggaran ketidakpastian dan keputusan penting dalam pengamalan dasar-dasar perakaunan yang menyebabkan kesan yang ketara ke atas sebarang jumlah yang diambil kira di dalam penyata kewangan.

### 3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

AOB telah menerima pakai pindaan MFRS 101, Pembentangan Penyata Kewangan dan Penzahiran Dasar Perakaunan mulai 1 Januari 2023. Pindaan itu memerlukan pendedahan dasar perakaunan 'material', bukannya 'penting'. Pindaan ini juga memberi panduan mengenai penerapan kebendaan kepada pendedahan dasar perakaunan, membantu entiti menyediakan maklumat dasar perakaunan khusus entiti yang berguna yang pengguna perlu memahami maklumat lain dalam penyata kewangan.

Maklumat dasar perakaunan yang material dinyatakan dalam nota masing-masing kepada penyata kewangan di mana yang berkaitan.

Dasar-dasar perakaunan berikut diamalkan secara konsisten pada semua tempoh yang dibentangkan di dalam penyata kewangan ini, dan diguna pakai secara konsisten oleh AOB, melainkan dinyatakan sebaliknya.

#### (a) Instrumen kewangan

##### (i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Aset kewangan atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama tambah atau tolak, untuk item yang tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitannya.

Instrumen kewangan diiktiraf secara berasingan daripada kontrak utama di dalam keadaan di mana instrumen kewangan tidak diiktiraf pada nilai saksamanya melalui untung atau rugi. Kontrak utama, sekiranya terbitan terbenam diiktiraf secara berasingan, diambil kira mengikut dasar yang terpakai kepada sifat kontrak utama.

##### (ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

###### Aset kewangan

Kategori aset kewangan ditentukan berdasarkan pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepas pengiktirafan awalnya melainkan AOB mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan yang mana semua aset kewangan yang terlibat diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan daripada model perniagaan.

###### Kos terlunas

Kategori kos terlunas terdiri daripada instrumen kewangan yang dipegang dalam model perniagaan di mana objektif adalah untuk memegang aset bagi mengumpul aliran tunai kontraktual dan terma kontraknya menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Aset kewangan tidak ditetapkan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kos yang dilunaskan dikurangkan dengan kerugian kemerosotan nilai. Pendapatan faedah dan sebarang keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pendapatan kewangan diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar kecuali bagi aset kewangan terjejas kredit (lihat Nota 3(c)) di mana kadar faedah berkesan digunakan untuk kos yang dilunaskan.

- (ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (*sambungan*)

Liabiliti kewangan

Kos terlunas

Liabiliti kewangan tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perbelanjaan faedah adalah diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan turut diiktiraf dalam untung atau rugi.

- (iii) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) dan sebarang untung atau rugi terhimpun yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam untung atau rugi.

- (iv) Mengofset

Aset kewangan dan liabiliti kewangan akan diofset dan jumlah bersih dibentangkan di penyata kewangan kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengofset jumlah tersebut, sama ada untuk menyelesaikannya secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

- (b) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai dengan tempoh matang yang asal diantara 3 bulan atau kurang dan digunakan oleh AOB untuk menguruskan penglibatan jangka pendek.

- (c) Rosot nilai

Aset kewangan

AOB mengiktiraf elaun kerugian yang dijangka kerugian kredit ke atas aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Kerugian kredit yang dijangkakan adalah anggaran wajaran kerugian kredit.

AOB mengukur elaun kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat, kecuali tunai dan baki di bank yang mana risiko kredit tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, yang mana diukur pada jangkaan kerugian kredit selama 12 bulan.

Apabila menentukan sama ada risiko kredit aset kewangan meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal dan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan, AOB menimbang maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang relevan dan tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Ini termasuk maklumat dan analisis kuantitatif dan kualitatif, berdasarkan pengalaman sejarah AOB dan penilaian kredit yang dimaklumkan dan termasuk maklumat berpandangan ke hadapan, jika ada.

(c) Rosot nilai (*sambungan*)

Aset kewangan (*sambungan*)

Kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat adalah kerugian kredit yang dijangkakan yang disebabkan oleh semua kemungkinan peristiwa ingkar sepanjang jangkaan hayat aset tersebut, manakala kerugian kredit dijangka selama 12 bulan adalah sebahagian daripada kerugian kredit yang dijangkakan yang terhasil daripada peristiwa lalai yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Tempoh maksimum yang dipertimbangkan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan adalah tempoh kontrak maksimum yang mana AOB terdedah kepada risiko kredit.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Pada setiap tarikh pelaporan, AOB menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan adalah kredit terjejas. Aset kewangan adalah kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Jumlah bawaan kasar aset kewangan dihapus kira (sama ada sebahagian atau penuh) setakat bahawa tiada prospek pemulihan realistik. Ini biasanya berlaku apabila AOB menentukan bahawa penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah yang tertakluk kepada penolakan itu. Walau bagaimanapun, aset kewangan yang dihapuskan masih boleh tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan untuk mematuhi prosedur AOB untuk pemulihan jumlah yang perlu dibayar.

(d) Pendapatan

(i) Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran diperakui pada suatu masa apabila pendaftaran diserahkan oleh pendaftar.

(ii) Pendapatan kewangan daripada deposit tetap

Pendapatan kewangan diiktiraf apabila terakru dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan dalam untung atau rugi.

(iii) Pendapatan penalti

Pendapatan penalti diperakui pada suatu masa menurut seksyen 31Z SCMA di mana AOB mengenakan penalti monetari terhadap juruaudit kerana gagal mematuhi syarat pendaftaran AOB. Amaun penalti adalah terhad dan akan digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan program pembinaan keupayaan yang berkaitan dengan profesyen perakaunan dan pengauditan.

(e) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan dan cuti sakit, caruman kepada pertubuhan keselamatan sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Skim Persaraan Swasta (PRS) caruman berbayar diukur tanpa diskaun dan dikira sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan berkaitan .

Liabiliti dikira bagi amaun yang dijangka akan dibayar jika AOB mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

**4 PELBAGAI PENGHUTANG**

	<b>2023</b> <b>RM</b>	<b>2022</b> <b>RM</b>
Pelbagai penghutang	-	83,200
Pendapatan kewangan boleh terima	38,191	22,641
	<u>38,191</u>	<u>105,841</u>

**5 PELABURAN LAIN**

Pelaburan lain adalah berkaitan dengan deposit yang diletakkan dengan bank berlesen dengan syarat matang melebihi 3 bulan dan memperoleh pendapatan kewangan pada kadar 2.30% - 3.05% setahun (2022: 2.30% - 2.80% setahun).

Deposit tersebut adalah daripada wang yang diterima daripada penalti yang dikenakan oleh AOB. Wang tersebut dihadkan untuk kegunaan merancang dan melaksanakan program pembinaan upaya berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan.

**6 TUNAI DAN SETARA TUNAI**

	<b>2023</b> <b>RM</b>	<b>2022</b> <b>RM</b>
Tunai dan setara tunai	441,917	231,789

**7 PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN**

	<b>2023</b> <b>RM</b>	<b>2022</b> <b>RM</b>
Yuran pendaftaran prabayar	608,000	336,000
Pelbagai pemiutang dan akruan	37,597	27,459
	<u>645,597</u>	<u>363,459</u>

**8 PERBELANJAAN PENTADBIRAN**

	<b>2023</b> <b>RM</b>	<b>2022</b> <b>RM</b>
Perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada:		
Ganjaran juruaudit	28,287	24,597
Elaun ahli bukan eksekutif	254,500	278,000
Pelbagai caj lain	416,941	694,555
Program pembinaan kapasiti	34,030	5,580
Kos kakitangan:		
Imbuan, bonus, perubatan kakitangan, latihan kakitangan dan kerja lebih masa	6,082,170	5,423,743
Pelan caruman yang ditentukan	726,657	688,408
Faedah pekerja lain	201,802	214,190
	<u>7,744,387</u>	<u>7,329,073</u>

## 9 PERBELANJAAN CUKAI

AOB adalah unit di bawah SC dan bukan entiti percukaian.

## 10 INSTRUMEN KEWANGAN

### 10.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan pada kos terlunas (AC).

	Amaun bawaan RM	AC RM
<u>2023</u>		
<u>Aset kewangan</u>		
Pelbagai penghutang	38,191	38,191
Pelaburan lain	3,125,772	3,125,772
Tunai dan setara tunai	441,917	441,917
	<u>3,605,880</u>	<u>3,605,880</u>
 <u>Liabiliti kewangan</u>		
Pelbagai pemiutang dan akruan*	<u>(37,597)</u>	<u>(37,597)</u>
 <u>2022</u>		
<u>Aset kewangan</u>		
Pelbagai penghutang	105,841	105,841
Pelaburan lain	2,894,466	2,894,466
Tunai dan setara tunai	231,789	231,789
	<u>3,232,096</u>	<u>3,232,096</u>
 <u>Liabiliti kewangan</u>		
Pelbagai pemiutang dan akruan*	<u>(27,459)</u>	<u>(27,459)</u>

\* Tidak termasuk instrumen bukan kewangan

## 10.2 Pengurusan risiko kewangan

AOB terdedah terutamanya kepada risiko kecairan sepanjang tempoh operasi biasanya. Oleh kerana AOB ditadbir oleh SC, AOB adalah tertakluk kepada dasar pengurusan risiko kewangan SC.

## 10.3 Risiko kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada risiko AOB tidak berupaya mematuhi tanggungjawab kewangannya bila sampai tempoh masanya. Pendedahan AOB kepada risiko mudah tunai timbul terutamanya daripada pelbagai pemiutangnya.

AOB, melalui SC, memantau dan mengekalkan tahap tunai dan baki di bank tunai yang dianggap mencukupi untuk membiayai operasi AOB dan menerima sokongan kewangan daripada SC untuk memastikan, sejauh mungkin, bahawa ia akan mempunyai kecairan yang mencukupi untuk memenuhi liabilitinya apabila ia memenuhi tempoh.

### Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan AOB pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pembayaran kontrak tidak didiskaun.

	<b>Amaun bawaan RM</b>	<b>Aliran tunai berkontrak RM</b>	<b>Bawah 1 tahun RM</b>
<u>2023</u>			
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Pelbagai pemiutang dan akruan	37,597	37,597	37,597
<u>2022</u>			
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Pelbagai pemiutang dan akruan	27,459	27,459	27,459

## 10.4 Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada risiko perubahan dalam harga pasaran yang akan memberi kesan kepada kedudukan kewangan AOB atau aliran tunainya.

#### 10.4.1 Risiko kadar faedah

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara AOB, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	2023 RM	2022 RM
<u>Instrumen kadar tetap</u>		
Aset kewangan	3,125,772	2,894,466

#### Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

##### *Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap*

AOB tidak mengambil kira apa-apa aset kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui untung atau rugi, dan AOB tidak menetapkan derivatif sebagai instrumen lindung nilai di bawah model perakaunan lindung nilai saksama. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan menjejaskan untung atau rugi.

#### 10.5 Nilai saksama

Nilai tunai dan baki di bank, pelbagai penghutang, pelbagai pemiutang dan akruan munasabah nilai saksama oleh sifat jangka pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan.

Hierarki nilai saksama belum dibentangkan kerana tiada instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama atau yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksama didedahkan pada akhir tahun kewangan.

## 11 PENGURUSAN DANA

Objektif AOB adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan AOB bagi melaksanakan kewajipan dan fungsinya dengan bebas. Rizab ini diuruskan oleh SC.

## 12 PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 ini diberikan kebenaran oleh SC untuk dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pengerusi SC dan Pegawai Eksekutif AOB pada 30 Januari 2024.

## PENGAKUAN BERKANUN

Saya, **Nur Fatin binti Abdul Aziz**, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Lembaga Pemantauan Audit, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 48 hingga 60 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan *Akta Perakuan Berkanun, 1960*.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang ternama di atas Nur Fatin binti Abdul Aziz, No. K.P. 770108-14-5000, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 30 Januari 2024.

**NUR FATIN BINTI ABDUL AZIZ**  
Pegawai

Di hadapan saya:



No. 23, 2nd Floor,  
Jalan Medan Tuanku,  
50300 Kuala Lumpur.

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT, SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

### LAPORAN MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

#### Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan AOB pada 31 Disember 2023, serta prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*.

#### Apa yang kami telah audit

Kami telah mengaudit penyata kewangan AOB, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam dana terkumpul dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan, termasuk maklumat dasar-dasar perakaunan yang material dan maklumat penjelasan lain, seperti yang dinyatakan pada muka surat 48 hingga 60.

#### Asas kepada pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *Piawaian Pengauditan Antarabangsa*. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan selanjutnya di perenggan 'Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan' di dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat kami.

#### Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami adalah bebas daripada AOB selaras dengan *Undang-Undang Kecil (mengenai Etika Profesional, Tingkah Laku dan Amalan)* Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil) dan *Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional* (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain, selaras dengan Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

#### Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga terhadap penyata kewangan

Ahli-ahli Lembaga SC bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan AOB yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*. Para Ahli Lembaga SC juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang para Ahli Lembaga SC tentukan sebagai perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan AOB yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan AOB, para Ahli Lembaga SC bertanggungjawab untuk menilai keupayaan AOB untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan, melainkan jika para Ahli Lembaga SC sama ada berhasrat untuk membubarkan AOB atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk berbuat demikian.

## LAPORAN MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan AOB secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *Piawaian Pengauditan Antarabangsa* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau agregat, sekiranya dijangkakan dengan munasabah boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *Piawaian Pengauditan Antarabangsa*, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- (a) Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan AOB, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman AOB.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Lembaga SC.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh para Ahli Lembaga SC dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan AOB untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan AOB atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami akan diubah. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan AOB berhenti untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.
- (e) Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan AOB, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan AOB mewakili asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa dengan cara yang memberikan gambaran saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Ahli Lembaga SC mengenai, antara perkara lain, skop dan tempoh pengauditan yang dirancang dan penemuan audit yang signifikan, termasuk sebarang kelemahan signifikan dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan kami.

## PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini disediakan khusus untuk para Ahli Lembaga SC, sebagai sebuah badan berkanun dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.



**PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT**  
LLP0014401-LCA & AF 1146  
Akauntan Bertauliah



**MAHESH A/L RAMESH**  
03428/04/2025 J  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur  
30 Januari 2024

*\* Jika terdapat sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris hendaklah diterima pakai.*

**LAIN-LAIN**

## AKRONIM DAN SINGKATAN

AARG	Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN
AASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan
AC	Jawatankuasa Audit
ACGA	Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia
ACRA	Pihak Berkuasa Kawal Selia Perakaunan Korporat Singapura
ACSR	Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kemampanan
AIR	<i>Laporan Pemeriksaan Tahunan</i>
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
BNM	Bank Negara Malaysia
CGU	unit penjana tunai
ESB	Lembaga Piawaian Etika
ESG	alam sekitar, sosial, dan tadbir urus
EQR	Semakan Kualiti Tugasan
IASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IAASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa
IESBA	Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan
IFIAR	Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa
IFRS	<i>Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa</i>
IICM	Majlis Pelabur Institusi Malaysia
IOSCO	Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa
IOSWG	Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain
ISA	<i>Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan</i>
ISQM	<i>Piawaian Antarabangsa tentang Kualiti Pengurusan</i>
ISSA	<i>Piawaian Antarabangsa mengenai Jaminan Kelestarian</i>
Piawaian ISSB	<i>Piawaian Pendedahan Kelestarian IFRS</i>
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
NAV	nilai aset bersih
PIE	entiti berkepentingan awam
PLC	syarikat awam tersenarai
PPK Indonesia	<i>Pusat Pembinaan Profesi Keuangan Indonesia</i>
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCMA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i>
SEC Thailand	Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Thailand
SEC Filipina	Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Filipina
SGA	Pengumpulan dan Analisis Statistik
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TCWG	pihak yang dipertanggungjawabkan dengan tadbir urus

## DEFINISI

Juruaudit	Juruaudit individu atau firma audit yang berdaftar atau diiktiraf di bawah Seksyen 310 SCMA sebagai juruaudit berdaftar atau juruaudit yang diiktiraf untuk suatu PIE atau kumpulan wang jadual.
Firma Audit Utama	Firma Audit Utama ialah firma audit dengan lebih daripada 50 pelanggan PIE dengan jumlah permodalan melebihi RM15 bilion.
Firma Audit Lain	Firma Audit selain daripada Firma Audit Utama.
Entiti berkepentingan awam	<p>Entiti yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Jadual 1, SCMA–</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) suatu PLC atau perbadanan yang disenaraikan di bursa saham;</li> <li>(b) suatu bank yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>;</li> <li>(c) suatu penanggung insurans yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>;</li> <li>(d) suatu pengendali takaful yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>;</li> <li>(e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>;</li> <li>(f) seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan yang ditetapkan di bawah seksyen 212 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i> atau seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan Islam yang ditetapkan di bawah seksyen 223 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>;</li> <li>(g) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah <i>Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002</i>;</li> <li>(h) suatu pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti yang dikawal selia bagi mengurus niaga dalam sekuriti, derivatif atau pengurusan kumpulan wang;</li> <li>(i) suatu syarikat pegangan bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(j) suatu bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(k) suatu depository pusat yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(l) suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(m) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(n) suatu pentadbir skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(o) suatu repositori dagangan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;</li> <li>(p) <i>Capital Market Compensation Fund Corporation</i>; dan</li> <li>(q) mana-mana orang lain sebagaimana yang Menteri boleh tetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.</li> </ul>
Kumpulan wang jadual	<p>Dana yang dinyatakan dalam Bahagian 2, Jadual 1, SCMA–</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) suatu skim persaraan swasta yang diluluskan oleh SC di bawah <i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA)</i>;</li> <li>(b) suatu skim unit amanah yang diluluskan, diberi kuasa atau diiktiraf oleh SC di bawah CMSA; dan</li> <li>(c) mana-mana dana pasaran modal lain sebagaimana yang ditentukan oleh SC.</li> </ul>

*Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.*



